JABATAN PREMIER SARAWAK
(UNIT DIGITALISASI PERKHIDMATAN AWAM)
TINGKAT 4 (SAYAP KIRI) ,
WISMA BAPA MALAYSIA,PETRA JAYA,
93502 KUCHING, SARAWAK.
Telefon Am: 082 - 313751 | Faks: 082 - 449002
Laman Web: https://premierdept.sarawak.gov.my

SURAT PEKELILING ICT BILANGAN 4 TAHUN 2025

DARIPADA : **Setiausaha Kerajaan Sarawak**

KEPADA : **Semua Setiausaha Tetap Kementerian**
Semua Ketua Jabatan Sarawak
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Badan Berkanun Sarawak
Semua Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan

SALINAN KEPADA : **Semua Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak**

PERKARA : **GARIS PANDUAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN (*AI*) DALAM PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK**

RUJUKAN : JPS/UDPA/100-1/2/3 JLD.1 (6) **TARIKH** : 17 SEPTEMBER 2025

1. TUJUAN

1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan menguatkuasakan pelaksanaan Garis Panduan Penggunaan Kecerdasan Buatan (*AI*) Dalam Perkhidmatan Awam Sarawak.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Garis Panduan Penggunaan Kecerdasan Buatan (*AI*) dalam Perkhidmatan Awam Sarawak diperkenalkan sebagai langkah strategik untuk memperkasa penyampaian perkhidmatan awam dan menyokong agenda transformasi digital Kerajaan. *AI* berperanan sebagai pemangkin penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, pintar, inovatif dan responsif, selaras dengan visi Strategi Pembangunan Pasca-Covid 19 (PCDS) 2030 serta *Sarawak Digital Economy Blueprint* (SDE) 2030 untuk merealisasikan Kerajaan digital yang dipacu data serta teknologi.

3. OBJEKTIF

3.1. Garis Panduan ini digubal sebagai panduan untuk Penjawat Awam Perkhidmatan Awam Sarawak dalam penggunaan *AI* secara beretika, bertanggungjawab dan selaras dengan dasar Kerajaan Sarawak yang sedia ada.

3.2. Ia juga **menekankan prinsip akauntabiliti, keselamatan, ketelusan dan integriti dalam penggunaan *AI*** bagi mencapai perkhidmatan yang lebih cekap, berkesan dan boleh dipercayai.

3.3. Walaupun garis panduan ini memberi penekanan kepada penggunaan aplikasi Kecerdasan Buatan (*AI*) berasaskan Web / Awan (*Web-Based / Cloud based AI Tools*) **semua** prinsip etika, keselamatan dan akauntabiliti yang digariskan turut terpakai ke atas penggunaan sistem *AI* dalaman di premis. (*On-Premise AI*)

4. PENGGUNAAN

4.1. **Penggunaan Kecerdasan Buatan (*AI*) dalam Perkhidmatan Awam Sarawak hendaklah selaras dengan polisi pembangunan strategik Kerajaan Sarawak,** serta tertakluk kepada akta, dasar, polisi, pekeliling dan garis panduan yang berkuat kuasa termasuk tetapi tidak terhad seperti yang dinyatakan di dalam Garis Panduan ini.

4.2. Garis panduan ini tidak bertujuan untuk melarang penggunaan aplikasi *AI* berasaskan web tersebut, sebaliknya menetapkan garis panduan bagi memastikan penggunaannya dilakukan secara beretika, bertanggungjawab dan selamat dalam konteks Perkhidmatan Awam Sarawak.

4.3. Aplikasi *AI* perlu digunakan sebagai alat sokongan, bukan pengganti dan penggunaannya hendaklah dikendalikan mengikut tahap sensitiviti data dan maklumat Kerajaan selaras dengan Akta, Dasar, Polisi, Pekeliling dan Garis Panduan yang berkuat kuasa.

4.4. *AI* berasaskan Web ini tidak berada di bawah pemilikan, kawalan atau tadbir urus data Kerajaan Sarawak. Justeru, **sebarang *input* dan *output* yang dijana melalui platform tersebut tertakluk kepada dasar keselamatan, privasi dan pemprosesan data pihak ketiga yang berada di luar kawalan Kerajaan Sarawak.**

4.5. **Semua penjawat awam hendaklah memahami serta bertanggungjawab mematuhi *"DOs & DONT's"*, mempertimbangan aspek etika dan menyedari keterbatasan aplikasi *AI*** seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini.

4.6. Semua penjawat awam boleh merujuk kepada "**Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (*AI*) Sektor Awam**" yang telah dilancarkan oleh Kementerian Digital Malaysia pada 27 Februari 2025 sebagai sumber tambahan.

5. TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM

Setiap penjawat awam memegang peranan penting dalam memastikan penggunaan *AI* dalam tugasan rasmi dilakukan secara beretika, bertanggungjawab dan selaras dengan dasar Kerajaan. Oleh itu, **tanggungjawab semua Penjawat Awam adalah seperti berikut:**

5.1. **Penjawat awam hendaklah pada setiap masa memelihara kerahsiaan, keselamatan, dan integriti maklumat Kerajaan dengan tidak, dalam sebarang keadaan, memuat naik, memasukkan, atau mendedahkan data rahsia, sensitif, atau peribadi ke dalam mana-mana alat Kecerdasan Buatan (*AI*) berasaskan Web. Ketidakpatuhan terhadap arahan ini merupakan pelanggaran serius dan tertakluk kepada tindakan tatatertib serta implikasi perundangan selaras dengan peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.**

5.2. **Penjawat awam bertanggungjawab terhadap sebarang maklumat, dokumen, keputusan atau tindakan yang diambil berasaskan *output AI*.** Justeru, semua kandungan *AI* mesti disemak, dinilai dengan teliti serta disahkan kesesuaiannya sebelum digunakan dalam sebarang tugasan rasmi.

5.3. **Mengaplikasikan prinsip *DOs & DONT's*** yang digariskan dalam Garis Panduan ini sebagai amalan terbaik (*best practices*).

5.4. **Menggunakan aplikasi *AI*, dalam tugasan rasmi bagi menyumbang kepada peningkatan produktiviti, pemikiran kreatif dan inovasi** penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

5.5. **Melaporkan penggunaan *AI* yang berisiko, tidak beretika atau mencurigakan** kepada Ketua Jabatan, Ketua Pegawai Digital (*CDO*) atau Penolong Ketua Pegawai Digital (*ACDO*) agensi masing-masing.

5.6. **Mengamalkan tadbir urus kendiri (*self-governance*) dengan memantapkan pengetahuan dan kemahiran diri berkaitan *AI*, tadbir urus data, keselamatan siber** melalui latihan bersemuka atau dalam talian dan bacaan bagi memastikan penggunaan *AI* lebih berkesan dan selamat.

6. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan memegang peranan penting dalam memastikan penggunaan aplikasi *AI* di Jabatan masing-masing dilakukan secara bertanggungjawab, selamat dan sejajar dengan dasar Kerajaan Sarawak. Bagi menyokong tadbir urus yang baik dan penggunaan *AI* yang berkesan, **tanggungjawab Ketua Jabatan merangkumi**:

6.1. Memastikan pematuhan terhadap garis panduan ini selaras dengan akta, dasar, polisi, pekeliling dan garis panduan yang berkuat kuasa termasuk tetapi tidak terhad seperti yang dinyatakan di dalam Garis Panduan ini.

6.2. Memantau penggunaan *AI* di peringkat Jabatan secara menyeluruh, termasuk keberkesanan, keselamatan dan pematuhan, bagi memastikan pelaksanaannya teratur dan memberi impak positif.

6.3. Adalah diingatkan bahawa tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai yang ingkar atau cuai atas pelanggaran Garis Panduan dan dasar ini. Seterusnya, tindakan tatatertib juga boleh diambil terhadap Ketua Jabatan atau Pegawai Penyelia jika berlaku kecuaian atau kegagalan dalam melaksanakan tugas pengawasan terhadap orang bawah seliaan.

7. GARIS PANDUAN

Pekeliling ini harus dibaca bersama "Garis Panduan Penggunaan Kecerdasan Buatan (*AI*) Dalam Perkhidmatan Awam Sarawak (V1_2025)" yang merupakan sebahagian daripada pekeliling ini seperti yang dilampirkan bersama.

8. PEMAKAIAN

Pekeliling ini dikuatkuasakan untuk Perkhidmatan Awam Sarawak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.

9. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN HAJI MARZUKI
Setiausaha Kerajaan
SARAWAK